



# **PELAN TINDAKAN INOVASI**

## **JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI KELANTAN**

**2013**

## 1.0 TUJUAN

Pelan Tindakan Inovasi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan (JPBD Kelantan) ini disediakan bertujuan :

- i. Sebagai panduan dari segi pengurusan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian aktiviti inovasi dan kreativiti JPBD Negeri Kelantan;
- ii. Sebagai panduan untuk digunapakai dalam penyediaan program dan
- iii. Membudayakan inovasi dan kreativiti di semua peringkat warga JPBD Kelantan; dan

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan merupakan satu jabatan yang amat penting di peringkat negeri. Jabatan sering menjadi rujukan kerana bidang perancangan merupakan pemula dalam satu-satu aspek pembangunan. Selain itu, bidang perancangan yang semakin kompleks dari aspek fizikal, ekonomi dan sosial memberi cabaran yang lebih kepada Jabatan terutama dalam mengekalkan pembangunan yang mapan.

2.2 Bagi mendepani cabaran tersebut dan selari dengan perkembangan semasa, kakitangan Jabatan perlu lebih berinovasi, berkualiti dan berintegriti, untuk melengkapkan diri dengan kemahiran (*skills*), ilmu pengetahuan (*knowledge*) dan sikap peribadi (*attitude*) yang tinggi. Di dalam ucapannya di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kesepuluh, tahun 2010, YAB Perdana Menteri telah mengutarakan enam elemen bagi meningkatkan kualiti penjawat awam yang perlu dipatuhi :-

### **Pertama :**

Perkhidmatan Awam yang berkualiti perlu memantapkan keprofesionalan terutamanya dalam skop kerja masing-masing;

**Kedua :**

Anggota Perkhidmatan Awam perlu sentiasa memberikan perkhidmatan yang responsif kepada pelanggan;

**Ketiga :**

Mengubah *mindset* masing-masing dengan memberi keutamaan dan perhatian terhadap aduan dan rungutan yang diterima daripada pelanggan;

**Keempat :**

Mengambil manfaat sepenuhnya kemajuan dalam teknologi maklumat, komunikasi atau ICT;

**Kelima :**

Lebih kreatif dan inovatif dalam menerokai pembaharuan untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan; dan

**Keenam :**

Memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan penuh integriti.

### 2.3 Definisi Inovasi

Kamus Dewan Bahasa mendefinisikan ***inovasi bermaksud sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat dan lain-lain yang baru.*** Inovasi memang boleh berlaku walaupun tidak dirancang tetapi bagi mencapai hasil inovasi yang boleh mendatangkan manfaat yang tinggi, kita perlu mempunyai aspirasi, iltizam dan ilham. Ilmu dan pengetahuan perlu dipertingkatkan melalui banyak sumber yang ada seperti melalui pembacaan, seminar atau kursus serta pemerhatian semasa lawatan dan usaha memupuk rasa ingin tahu mengenai perkara-perkara baru. Ini amat penting untuk membiakkan benih-benih kreativiti dan inovasi agar ia dapat tumbuh dan bercambah dengan segar dan menjadi amalan serta budaya harian kita.

Dalam konteks Perkhidmatan Awam pula ***inovasi boleh ditafsirkan sebagai cetusan idea-idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Idea-idea tersebut boleh diperolehi dari dalam dan luar atau melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai idea baru atau diadaptasikan untuk diguna pakai mengikut keperluan jabatan/agensi.*** Inovasi yang dihasilkan hendaklah berupaya menambah nilai output semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada.

### 3.0 **Objektif Dasar Inovasi JPBD Negeri Kelantan**

Selaras dengan objektif dasar inovasi yang diperkenalkan oleh Kementerian Perumahan dan kerajaan Tempatan, Jabatan telah menggariskan **5 Objektif** sebagai langkah untuk membudayakan inovasi dan kreativiti di kalangan warga kerja.

- i. **Melahirkan** pegawai dan kakitangan JPBD Negeri Kelantan yang **inovatif dan kreatif** .
- ii. Meningkatkan **pengetahuan** dan **kemahiran** dalam melaksanakan inovasi di kalangan pegawai dan kakitangan JPBD Negeri Kelantan.
- iii. Menjana **inovasi** dan **kreativiti** melalui penyelidikan dan pembangunan yang berterusan (*research and development*).
- iv. Meningkatkan **kualiti** dan **produktiviti** perkhidmatan bagi memenuhi ekspektasi 'stakeholder' dan pelanggan.
- v. Menyokong **dasar-dasar Kerajaan** berkaitan dengan **inovasi**.

#### **4.0 Strategi Inovasi JPBD Negeri Kelantan**

Selaras dengan strategi yang diterapkan oleh JPBD Semenanjung Malaysia, strategi inovasi yang dirancang oleh Jabatan adalah mengikut ketetapan JPBD Ibu Pejabat iaitu :

- i. Memupuk kesedaran tentang pembudayaan inovasi di kalangan pegawai dan kakitangan JPBD Negeri Kelantan;
- ii. Membudayakan pembangunan inovasi di kalangan pegawai dan kakitangan JPBD Negeri Kelantan melalui proses pembelajaran dan latihan;
- iii. Penggalakkan pengumpulan inovasi di kalangan pegawai dan kakitangan JPBD Negeri Kelantan serta pelanggan;
- iv. Memberikan pengiktirafan sewajarnya kepada pegawai dan kakitangan JPBD Negeri Kelantan yang memberikan idea inovatif dan kreatif serta dapat dilaksanakan;
- v. Promosi mengenai inovasi-inovasi yang telah dihasilkan dan dicadangkan untuk dijadikan sebagai amalan baik di organisasi yang lain; dan
- vi. Membina semangat kerja berpasukan (*team building*).

#### **5.0 Pelan Tindakan Inovasi JPBD Negeri Kelantan**

Bagi melaksanakan program inovasi di peringkat Jabatan dengan lebih berkesan, Pelan Tindakan Inovasi dirangka bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan Jabatan.

Penambahbaikan aktiviti dan program perlu dirancang dari semasa ke semasa untuk meletakkan Jabatan selari dengan kemajuan pembangunan dan teknologi. Cadangan pelan tindakan dan program adalah sebagaimana Jadual 1.

**Jadual 1 : Pelan Tindakan dan Program Inovasi JPBD Negeri Kelantan**

Bil	Strageri	Pelan Tindakan Inovasi	Catatan
1	<p><b>Strategi 1:</b> Memperkasa inovasi melalui sokongan pengurusan atasan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mesyuarat Pengurusan akan menjadi pemandu kepada program inovasi dan sebagai penyelararas untuk membincangkan hala tuju inovasi Jabatan; dan</li> <li>ii. Unit Korporat akan menjadi penyelararas kepada program inovasi Jabatan.</li> <li>iii. Menyokong usaha kumpulan KIK / kakitangan untuk menjalankan program inovasi dengan memberi kerjasama, sokongan moral dan idea serta lain-lain keperluan.</li> </ul>	
2	<p><b>Strategi 2 :</b> Menggalakkan usaha peningkatan kreativiti dan inovasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Minggu Kesedaran Inovasi JPBD Negeri Kelantan (i-Awareness Week) sekali setiap tahun ;</li> <li>ii. Mempromosi dan hebahan mengenai inovasi secara berterusan;</li> <li>iii. Menyediakan platform untuk kakitangan memberi idea inovasi bagi menambahbaik mutu perkhidmatan jabatan;</li> <li>iv. Menjalankan soalselidik i-Survey bagi setiap aktiviti inovasi untuk penambahbaikan dan meningkatkan nilai tambah kualiti penyampaian perkhidmatan organisasi.</li> <li>v. Penganjuran Pertandingan Rekacipta Inovasi (i-Design) untuk membentuk minda kritis dan kreatif dikalangan semua warga kerja; dan</li> </ul>	

Bil	Strageri	Pelan Tindakan Inovasi	Catatan
3	<p><b>Strategi 3 :</b> Membudayakan inovasi di kalangan warga JPBD.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penubuhan Kelab KeBook JPBD Negeri Kelantan.</li> <li>ii. Pelaksanaan kursus, bengkel dan ceramah berkaitan Inovasi.</li> <li>iii. Penyertaan wakil Jabatan pada setiap program inovasi SUK, kementerian dan agensi lain</li> </ul>	<p>Jabatan telah menyertai program membaca Pejabat SUK bagi Blok 4 bekerjasama dengan Pejabat Kewangan Negeri</p> <p>KeBookJPBD dicadang dilancar pada Mesyuarat Pengurusan Bil 6/2012 pada 09/12/2012.</p> <p>Perkongsian pembacaan buku seorang pegawai dan seorang kakitangan dicadang diadakan dalam Mesyuarat Pagi Jabatan.</p>
4	<p><b>Strategi 4 :</b> Menyelaras dan menggalakkan cetusan idea kreativiti dan inovasi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menggalakkan sesi percambahan fikiran sebagai agenda dalam Mesyuarat Bahagian/Unit;</li> <li>ii. Menyelaras aduan pelanggan sebagai input inovasi; dan</li> <li>iii. Proses perekrutian bagi proses kerja sentiasa dilaksanakan oleh setiap Bahagian.</li> </ul>	
5	<p><b>Strategi 5 :</b> Memberi pengiktirafan kepada semua sumbangan kreatif dan inovatif</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penghargaan kepada kakitangan yang aktif dalam mengharumkan nama Jabatan dalam inovasi;.</li> <li>ii. Sumbangan dalam inovasi boleh menjadi nilai tambah dalam penilaian prestasi kakitangan; dan</li> <li>iii. Pencalonan individu/kumpulan yang mewakili Jabatan untuk menerima anugerah-anugerah di peringkat Antarabangsa, Kebangsaan, Negeri dan Kementerian.</li> </ul>	

Bil	Strageri	Pelan Tindakan Inovasi	Catatan
6	<p><b>Strategi 6 :</b>  Mempromosi hasil kreativiti dan inovasi untuk dijadikan amalan baik di organisasi lain.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyertai pameran-pameran untuk mempromosi ciptaan inovasi dari Jabatan; dan</li> <li>ii. Mempromosi ciptaan Inovasi Jabatan sekiranya mempunyai kualiti dan nilai untuk dikongsi oleh Jabatan lain.</li> <li>iii. Mewujudkan sudut inovasi di jabatan untuk mewarwarkan aktiviti, info dan status semasa program inovasi Jabatan.</li> <li>iv. Mengemaskini maklumat inovasi di laman web</li> </ul>	
7	<p><b>Strategi 7 :</b>  Menggalakkan pembentukan semangat bekerjasama sebagai satu kumpulan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melaksanakan bengkel kerja berpasukan setiap bahagian di Jabatan (<i>team building</i>).</li> <li>ii. Memperbanyakkan program sosial Jabatan untuk mengukuhkan semangat kerjasama di kalangan kakitangan.</li> </ul>	

## 6.0 Penutup

Pelan Tindakan Inovasi JPBD Negeri disediakan sebagai langkah untuk merancang dan menggalakkan pembudayaan inovasi dan kreativiti di kalangan warga kerja. Dengan adanya Pelan Tindakan Inovasi JPBD Negeri Kelantan, setiap warga kerja JPBD diharap dapat menghayati dan melaksanakan kreativiti dan inovasi dalam menjalankan tugas harian. Di samping itu, menjadi hasrat Jabatan untuk menjadikan inovasi dan kreativiti sebagai budaya untuk mencetuskan idea kreatif bagi mempertingkatkan sistem perkhidmatan Jabatan.